



**SIARAN MEDIA**

*MEDIA RELEASE*

**KELUARAN DALAM NEGERI KASAR (KDNK)**

**SUKU TAHUNAN**

**SUKU KEDUA 2022**

*QUARTERLY GROSS DOMESTIC PRODUCT*

*SECOND QUARTER 2022*

Jabatan Perancangan Ekonomi dan Statistik  
Kementerian Kewangan dan Ekonomi  
Negara Brunei Darussalam

*Department of Economic Planning and Statistics  
Ministry of Finance and Economy  
Brunei Darussalam*



**SIARAN MEDIA  
JABATAN PERANCANGAN EKONOMI DAN STATISTIK  
KEMENTERIAN KEWANGAN DAN EKONOMI**

**KELUARAN DALAM NEGERI KASAR SUKU TAHUNAN  
SUKU KEDUA 2022**


**NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

---

**TAJUK UTAMA:**

**SEKTOR BUKAN MINYAK DAN GAS TERUS MENUNJUKKAN  
PERKEMBANGAN YANG POSITIF PADA SUKU KEDUA TAHUN INI.**

1. Pada suku kedua (Q2) 2022, aktiviti ekonomi utama yang menyumbang kepada Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) adalah sektor Industri iaitu sebanyak 72.7 peratus, diikuti oleh sektor Perkhidmatan 26.3 peratus dan sektor Pertanian, Perhutanan dan Perikanan 1.0 peratus.
2. Dari segi Sektor Minyak & Gas dan Sektor Bukan Minyak & Gas pada harga tetap (*constant prices*), Sektor Bukan Minyak & Gas telah menunjukkan peningkatan sebanyak 1.0 peratus, manakala Sektor Minyak & Gas menurun sebanyak 9.3 peratus. Penurunan ini telah menyebabkan pertumbuhan negatif pada KDNK Negara Brunei Darussalam bagi Q2 2022 iaitu sebanyak 4.4 peratus berbanding tahun-ke-tahun.
3. Jumlah KDNK Negara Brunei Darussalam pada harga semasa (*current prices*) pada Q2 2022 meningkat sebanyak BND6.3 bilion berbanding BND4.7 bilion pada Q2 2021. Sektor Minyak & Gas yang merangkumi aktiviti perlombongan minyak & gas dan pembuatan gas cecair asli (LNG) menyumbang sebanyak 56.4 peratus daripada jumlah nilai tambah kasar (GVA). Sementara itu, Sektor Bukan Minyak & Gas, yang mana termasuk aktiviti hiliran seperti pembuatan produk petroleum dan kimia, telah menyumbang sebanyak 43.6 peratus daripada jumlah KDNK.



4. Penurunan dalam Sektor Minyak & Gas adalah disebabkan oleh penurunan pengeluaran minyak mentah daripada 111.1 ribu tong sehari pada Q2 2021 kepada 94.5 ribu tong sehari pada Q2 2022. Pengeluaran gas asli juga menurun daripada 31.5 juta meter padu sehari pada Q2 2021 kepada 27.3 juta meter padu sehari pada Q2 2022. Penurunan dalam pengeluaran minyak mentah dan gas asli adalah disebabkan oleh aktiviti-aktiviti penyelenggaraan dan pemulihan tidak berjadual. Tambahan lagi, pengeluaran LNG juga mencatatkan penurunan daripada 852.7 ribu MMBtu sehari kepada 685.4 ribu MMBtu sehari pada tempoh yang sama selaras dengan penutupan dan penyelenggaraan tidak berjadual dan pengeluaran gas yang rendah.
5. Namun yang demikian, Sektor Bukan Minyak & Gas terus menunjukkan perkembangan yang positif dengan peningkatan dalam Subsektor-Subsektor seperti Hiliran, Pengangkutan Udara, Perhubungan dan Perikanan.
6. Peningkatan pada aktiviti hiliran adalah disebabkan oleh peningkatan pengeluaran metanol sebanyak 20.5 peratus iaitu daripada 136,921 tan metrik pada Q2 2021 kepada 164,926 tan metrik pada Q2 2022. Ini diikuti oleh kenaikan pengeluaran produk petroleum terutamanya RON90, dan juga pengeluaran baru produk kimia khususnya baja urea.

7. Manakala, peningkatan aktiviti Pengangkutan Udara adalah selaras dengan peningkatan jumlah ketibaan penumpang udara iaitu daripada 1,261 orang pada Q2 2021 kepada 33,067 orang pada Q2 2022; dan pelepasan penumpang udara iaitu daripada 7,617 orang pada Q2 2021 kepada 37,687 orang pada Q2 2022 berikutan kelonggaran sukat-sukat aktiviti rentas sempadan.
8. Bagi Subsektor Perhubungan pula, perkembangan yang positif adalah didokong oleh peningkatan dalam pelanggan internet dan telefon bimbit iaitu sebanyak 2.5 peratus dan 0.9 peratus masing-masing, berikutan sebahagian agensi Kerajaan dan swasta serta institusi-institusi pendidikan yang terus menjalankan dasar *work-from-home*.
9. Tambahan lagi, peningkatan Subsektor Perikanan adalah disebabkan oleh peningkatan industri penangkapan ikan dan akuakultur yang mana sebab-sebab utama masing-masing adalah aktiviti nelayan secara kecil-kecilan dan keluaran ternakan udang.
10. Mengikut pendekatan perbelanjaan, penurunan pertumbuhan KDNK pada Q2 2022 adalah terutamanya didorong oleh penurunan Eksport Barangan dan Perkhidmatan sebanyak 7.9 peratus tahun-ke-tahun. Ini diikuti oleh penurunan Perbelanjaan Kapital Swasta dan Kerajaan; dan Perbelanjaan Penggunaan Akhir Kerajaan. Walaubagaimanapun, penurunan ini diimbangi oleh peningkatan Perbelanjaan Penggunaan Akhir Isi Rumah sebanyak 3.8 peratus.

#### **KDNK mengikut Pendekatan Perbelanjaan pada Harga Tetap**

	<b>Q2 2021</b>	<b>Q2 2022</b>	<b>% Pertumbuhan</b>
Perbelanjaan Penggunaan Akhir Kerajaan	881.5	825.4	(6.4)
Perbelanjaan Penggunaan Akhir Isi Rumah	1,090.6	1,132.0	3.8
Perbelanjaan Kapital	1,694.1	1,627.3	(3.9)
Eksport Barangan dan Perkhidmatan	3,037.9	2,798.1	(7.9)
<b>KDNK</b>	<b>4,695.4</b>	<b>4,487.3</b>	<b>(4.4)</b>

11. Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) adalah ukuran bagi jumlah nilai barangan dan perkhidmatan yang dikeluarkan dalam tempoh tertentu setelah ditolak kos barangan dan perkhidmatan yang digunakan dalam proses pengeluaran. Laporan penuh KDNK Suku Kedua 2022 boleh didapati di laman sesawang JPES melalui [deps.mofe.gov.bn](https://deps.mofe.gov.bn)



**MEDIA RELEASE  
DEPARTMENT OF ECONOMIC PLANNING AND STATISTICS  
MINISTRY OF FINANCE AND ECONOMY**


**QUARTERLY GROSS DOMESTIC PRODUCT  
SECOND QUARTER 2022**

**BRUNEI DARUSSALAM**

---

**MAIN HEADLINE:  
THE NON-OIL AND GAS SECTOR CONTINUES TO SHOW POSITIVE  
DEVELOPMENT IN THE SECOND QUARTER OF THIS YEAR.**

- 1. In the second quarter (Q2) of 2022, Gross Domestic Product (GDP) by economic activity was mainly contributed by the Industry sector which was about 72.7 per cent. This was followed by Services sector by 26.3 per cent and Agriculture, Forestry and Fishery sector by 1.0 per cent.*
- 2. According to Oil & Gas and Non-Oil & Gas Sector at constant prices, there was a 1.0 percent growth in the Non-Oil & Gas Sector, meanwhile the Oil & Gas Sector decreased by 9.3 percent. The decline of the Oil and Gas Sector has resulted in the negative growth of Brunei Darussalam's Gross Domestic Product (GDP) in Q2 2022 by 4.4 percent compared to the previous year.*
- 3. Brunei Darussalam's GDP at current prices in Q2 2022 was valued at BND6.3 billion compared to BND4.7 billion in Q2 2021. The Oil & Gas Sector, comprising of oil & gas mining and manufacture of Liquefied Natural Gas (LNG), accounted for 56.4 percent of the total gross value added (GVA). Meanwhile, the Non-Oil & Gas Sector, which includes downstream activities such as the manufacture of petroleum and chemical products, contributed 43.6 percent of GDP.*



4. *The decline in the Oil & Gas Sector was due to a decrease in the production of crude oil from 111.1 thousand barrels per day in Q2 2021 to 94.5 thousand barrels per day in Q2 2022. Natural gas production also recorded a decrease from 31.5 million cubic metres per day in Q2 2021 to 27.3 million cubic metres per day in Q2 2022. The reduction in crude oil and natural gas production was due to unscheduled maintenance and rejuvenation activities. Correspondingly, LNG production declined from 852.7 thousand MMBtu per day to 685.4 thousand MMBtu per day during the same period in response to unscheduled shut down and maintenance; and lower gas production.*
5. *However, the Non-Oil & Gas Sector remained positive with an increase in the Subsectors such as Downstream, Air Transport, Communication, and Fishery.*
6. *An increase in the Downstream activities was due to increased methanol production by 20.5 percent, from 136,921 metric tons in Q2 2021 to 164,926 metric tons in Q2 2022. This was followed by an increase in the production of petroleum products, particularly RON90, as well as the new production of the chemical product, specifically urea fertilizer.*
7. *Meanwhile, the increase in Air Transport activities was in line with the rise in passenger air arrivals, from 1,261 in Q2 2021 to 33,067 in Q2 2022; and air departures, from 7,617 in Q2 2021 to 37,687 in Q2 2022, which corresponded to permission to enter and exit the country.*

8. *As for the Communication Subsector, the positive development was supported by the increase in internet and mobile phone subscribers by 2.5 percent and 0.9 percent, respectively, in response to some government and private agencies and educational institutions still practicing the work-from-home policy.*
9. *Furthermore, the increase in the Fisheries Subsector resulted from the expansion of the capture and aquaculture industries. The growth of the capture industry was primarily attributable to small-scale fishermen's activities. Meanwhile, farm prawn was the main contributors to the aquaculture industry.*
10. *By expenditure approach, a decline in GDP growth in Q2 2022 was mainly due to a decrease in the Exports of Goods and Services by 7.9 percent year-on-year. This was followed by a reduction in the Private and Government Gross Capital Formation and the Government Final Consumption Expenditure. However, this growth was moderated by an increase in the Household Final Consumption Expenditure by 3.8 percent.*

#### **GDP by Expenditure at Constant Prices**

	<b>Q2 2021</b>	<b>Q2 2022</b>	<b>% Growth</b>
Government Final Consumption Expenditure	881.5	825.4	(6.4)
Household Final Consumption Expenditure	1,090.6	1,132.0	3.8
Gross Capital Formation	1,694.1	1,627.3	(3.9)
Exports of Goods and Services	3,037.9	2,798.1	(7.9)
<b>GDP</b>	<b>4,695.4</b>	<b>4,487.3</b>	<b>(4.4)</b>

11. *Gross domestic product (GDP) is a measure of the total value of goods and services produced in a particular period after deducting the cost of goods and services used up in the process of production. The GDP full report for the Second Quarter of 2022 is available from DEPS's website at [deps.mofe.gov.bn](http://deps.mofe.gov.bn)*